

1 Tesalonika 5:17

# BERDOALAH SENTIASA



PENERBITAN KRISTIAN

## **Berdoalah Sentiasa (1 Tesalonika 5:17)**

Penulis : Christopher W. Nambayan  
Penyunting : Heather Dennis & Randy Singkeek  
Kulit buku : JC Chiang

Cetakan Pertama: April 2019

Semua petikan Alkitab, kecuali dinyatakan sebaliknya, diambil dari:  
Alkitab Versi Borneo © 2015, Borneo Sabda Limited

Rujukan petikan Alkitab juga diambil dari:  
Alkitab Berita Baik © 2001, The Bible Society of Malaysia  
Alkitab Terjemahan Baru © 1974, Lembaga Alkitab Indonesia

Diterbitkan oleh:  
Wawasan Penabur Sdn. Bhd.  
P.O.Box: 8327, Kelana Jaya  
46787 Petaling Jaya, Selangor  
wawasan.penabur@gmail.com

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan. Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah satu organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.

Tahukah anda bahawa anda boleh mendapatkan banyak bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia secara percuma online di Sabda Harian (<http://sabdaharian.com/>)? Kunjungilah laman web mereka hari ini!

Hak Cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.



## **Daftar Isi**

1. Doa Menurut Alkitab	1
2. Doa Orang Yang Benar	9
3. Ajaran Yesus Tentang Doa	17
4. Apa Itu Doa Syafaat?	23
5. Doa Yang Mengubah Sejarah Sebuah Bangsa	29
6. Perang Rohani – Kenali Musuh Kita	37
7. Dua Belas Doa Untuk Negara	49
Keperluan Doa dan Jawapan Kepada Doa	75



Tuhan tidak melihat berapa fasih kita berdoa.  
Dia lebih tertarik dengan hati kita.



## Doa Menurut Alkitab

**A**pakah doa? Mengapa kita harus berdoa? Bagaimana seharusnya saya berdoa? Pertanyaan-pertanyaan seperti ini merupakan beberapa soal lazim yang sering ditanya oleh orang Kristian. Bagaimana kita menjawab pertanyaan yang kelihatan “sangat mudah tetapi sukar” ini? Kita akan mendapat banyak jawaban jika kita menanyakan soal “Apakah itu doa”? Berbagai jawaban akan diberikan berdasarkan pemahaman dan kematangan rohani seseorang. Untuk tujuan perbincangan kita bersama, kita akan melihat apakah doa menurut Alkitab.

Doa adalah komunikasi dengan Tuhan, di mana kita dapat bersekutu dan berbicara dengan-Nya dan mendengarkan Dia. Alkitab menyatakan, “Ketahuilah, TUHAN telah memilih baginya seorang yang dikasihi-Nya; TUHAN mendengarkan, apabila aku berseru kepada-Nya.” (Mzm 4:3, TB) Allah kita tidak jauh daripada kita. Dia hanya sejauh doa dan Dia dapat didekati. “Engkau yang mendengar doa. Semua manusia akan datang kepada-Mu.” (Mzm 65:2)

Doa adalah suatu kesempatan yang besar. Alkitab menyatakan, “Oleh itu, marilah kita tampil dengan berani ke hadapan takhta kasih kurnia, supaya kita mendapat belas kasihan dan kasih



kurnia untuk menolong kita ketika kita memerlukannya.” (Ibr 4:16) Kita yang percaya kepada Yesus Kristus, yang telah ditebus oleh darah Yesus Kristus, mempunyai kesempatan yang besar untuk dapat datang ke hadirat Allah dalam doa.

Jika doa itu adalah satu bentuk komunikasi dan kesempatan untuk kita membawa permohonan kita kepada Allah, adakah Tuhan ingin mendengar dan menjawab doa kita? Alkitab menyatakan, “Walaupun kamu jahat, kamu tahu memberikan apa yang baik kepada anak-anak kamu. Lebih-lebih lagi Bapa kamu yang di syurga; Dia akan memberikan apa yang baik kepada mereka yang meminta daripada-Nya!” (Mat 7:11, BM). Alkitab juga menyebut, “Mintalah, dan kamu akan menerimanya; carilah, dan kamu akan mendapatnya; ketuklah pintu, dan pintu akan dibuka untukmu. Setiap orang yang meminta akan menerima, setiap orang yang mencari akan mendapat; dan setiap orang yang mengetuk, pintu akan dibuka untuknya (Mat 7:7-8)

Daripada begitu banyak perkara, kita harus berdoa untuk meminta kebijaksanaan. Alkitab menyatakan, “Jika ada sesiapa antara kamu kurang bijaksana, hendaklah dia berdoa kepada Allah supaya Allah memberikan kebijaksanaan kepadanya; kerana Allah memberikan dengan murah hati dan dengan sukacita kepada setiap orang. Tetapi apabila kamu berdoa, kamu mesti percaya. Kamu tidak boleh ragu-ragu, kerana orang yang ragu-ragu seperti ombak di laut yang diombang-ambingkan angin. Orang seperti itu tidak tetap pendiriannya dan teragak-agak dalam semua perbuatannya. Oleh itu dia juga tidak dapat mengharap apa-apa daripada Tuhan.” (Yak 1:5-8, BM)

## **Mengapa Kita Berdoa?**

Sebagai orang percaya, kita harus berdoa kerana Allah menghendakinya. “Mintalah, dan kamu akan menerimanya; carilah, dan kamu akan mendapatnya; ketuklah pintu, dan pintu

akan dibuka untukmu. (Mat 7:7). Kita juga harus sentiasa berdoa supaya sukacita kita menjadi penuh. “Hingga saat ini belum pernah kamu minta sesuatu dalam nama-Ku. Mintalah, kamu akan menerimanya dan sempurnalah kegembiraanmu.” (Yoh 16:24)

Allah berjanji kepada orang percaya yang berdoa bahawa:

1. Dia mendengarkan doa. “Sebelum mereka berseru kepada-Ku, Aku sudah menjawab. Sewaktu mereka sedang berkata-kata, Aku sudah mendengar.” (Yes 65:24)
2. Dia menjawab dan menyertai orang percaya. “Dia akan berseru kepada-Ku, dan Aku akan menjawabnya; Aku akan menyertainya ketika dia dalam kesusahan, dan Aku akan melepaskannya dan memberinya penghormatan. Dengan umur yang panjang Aku akan memberinya kepuasan dan menunjukkannya penyelamatan-Ku.” (Mzm 91:15-16)
3. Dia mengabulkan doa orang percaya. “Sekiranya kamu tetap dalam-Ku, dan kata-kata-Ku tetap dalammu, mintalah apa sahaja yang kamu kehendaki, permohonan itu akan dikabulkan.” (Yoh 15:7)
4. Dia memberi lebih daripada yang orang percaya minta. “Kepada Allah yang berkuasa melakukan segala-galanya dengan limpah kurnia melebihi permintaan dan sangkaan kita, menurut kuasa-Nya yang bertindak dalam diri kita.” (Ef 3:20)

## **Adakah Allah Mengabulkan Semua Doa?**

Sebagai orang percaya, kita juga harus tahu bahawa Allah tidak selalu menjawab semua doa kita. Allah mendengarkan semua doa yang dinaikkan dengan hormat dan ketulusan tetapi tidak semua doa dikabulkan-Nya. Sebagai Bapa yang bijaksana dan tahu apa yang terbaik untuk anak-anak-Nya. Kadang-kadang Tuhan mengatakan tidak kepada permohonan doa kita.



Ada tertulis dalam Alkitab, “Sudah tiga kali aku memohon kepada Tuhan supaya seksa ini disisihkan daripadaku. Tetapi firman-Nya, “Cukuplah kasih kurnia-Ku bagimu, kerana kekuatan-Ku menjadi sempurna dalam kelemahan.” Oleh itu, aku paling rela berbangga tentang kelemahan-kelemahanku, supaya kuasa Kristus menaungiku.” (2Kor 12:8-9). Allah menjawab “tidak” kepada Paulus sewaktu Paulus memohon supaya duri dalam daging diambil daripadanya.

Kadang-kadang Tuhan menjawab doa kita dengan mengatakan tunggu. “Nantilah TUHAN dengan hati yang tenang, tunggulah dengan sabar sampai Dia bertindak. Jangan geram kerana orang yang hidup makmur, atau kerana orang yang melakukan tipu muslihat.” (Mzm 37:7)

Alkitab memberi beberapa alasan mengapa kadang-kadang kita menerima jawapan “tidak” dari doa-doa yang kita naikkan kepada Allah.

1. Pemazmur berkata, “Kalaulah ada niat jahat dalam hatiku, Tuhan tidak akan mendengar rayuanku; tetapi sesungguhnya Allah telah mendengar suaraku dan telah mengabulkan doaku.” (Mzm 66:18-19)
2. Doa tidak dikabulkan kerana doa yang dinaikkan adalah doa yang hanya untuk kepentingan diri sendiri atau kepuasan hawa nafsu. “Kalau kamu memohonnya sekalipun, kamu tidak mendapatnya, kerana tujuanmu jahat. Kamu memintanya untuk kesenangan diri sendiri.” (Yak 4:3)
3. Dosa yang tersembunyi dan dosa yang belum diakui sehingga menyebabkan seseorang terpisah daripada Allah juga membuat doa kita tidak didengari oleh Tuhan. “Jika kamu tidak mentaati hukum, doa kamu pun akan menjijikkan.” (Ams 28:9, BM) “Tetapi jika kita mengakui dosa kita kepada Allah, Dia akan menepati janji-Nya dan berlaku adil. Dia akan mengampunkan dosa kita dan menyucikan kita daripada segala kesalahan”. (1Yoh 1:9) “...Tetapi kesalahanmu telah menjadi pemisah



antara kamu dengan Allahmu, dan dosa-dosamu membuat Dia menyembunyikan diri daripadamu sehingga Dia tidak mendengar.” (Yes 59:2)

4. Orang yang berdoa mengabaikan atau tidak melakukan apa yang dia tahu kehendak Allah tentang hal-hal yang lain dalam hidupnya. “Apabila kamu menadahkan tanganmu untuk berdoa, Aku akan mengalihkan pandangan-Ku daripadamu. Bahkan sekalipun kamu menggandakan doamu, Aku tidak mahu mendengar. Tanganmu berlumuran darah.” (Yes 1:15) “Orang yang mahu melaksanakan kehendak Allah akan tahu sama ada ajaran ini datang daripada diri-Ku atau daripada Allah.” (Yoh 7:17) “Mereka akan pergi mencari hadirat TUHAN dengan membawa seluruh kawan-an haiwan ternakan mereka. Namun demikian, mereka tidak akan menjumpai Dia; Dia telah menarik diri daripada mereka.” (Hos 5:6) “Oleh sebab itu beginilah firman TUHAN, “ketahuilah, Aku akan mendatangkan atas mereka malapetaka yang tidak dapat dielakkan oleh mereka. Mereka akan berseru kepada-Ku, tetapi Aku tidak akan mendengar mereka.” (Yer 11:11)
5. Doa yang dinaikkan dengan bimbang atau ragu-ragu. “...Akan tetapi, apabila dia memohon, dia mesti beriman sepenuhnya. Dia tidak harus ragu-ragu, kerana orang yang ragu-ragu itu umpama ombak laut yang terumbang-ambing ditiup angin. Orang seperti itu tidak boleh berharap untuk menerima apa-apa daripada Tuhan; pendiriannya tidak tetap dan dia sentiasa teragak-agak melakukan sesuatu.” (Yak 1:6-8, BM)

## **Apa Yang Membuat Doa Dikabulkan?**

Kita tidak boleh mengatakan bahawa ada satu formula yang harus diikuti supaya Allah menjawab doa kita kerana Dialah yang berdaulat dalam hal ini, dan kita tidak dapat mengatur kehendak Allah dalam menjawab doa-doa kita. Walaupun



demikian, ada beberapa hal yang berkaitan dengan doa yang perlu kita lakukan sebagai tanggungjawab kita di hadapan-Nya.

1. Sikap rendah hati dan ketulusan serta menyedari keberdosaan kita di hadapan Allah. "...lalu umat-Ku, yang dipanggil atas nama-Ku, merendahkan diri, berdoa, mencari wajah-Ku, dan berpaling daripada jalan mereka yang jahat, maka Aku akan mendengar dari syurga, mengampunkan dosa mereka serta memulihkan negeri mereka." (2Taw 7:14)
2. Sikap iman yang tanpa ragu-ragu. "...akan tetapi, apabila dia memohon, dia mesti beriman sepenuhnya. Dia tidak harus ragu-ragu, kerana orang yang ragu-ragu itu umpama ombak laut yang terumbang-ambing ditiup angin. Orang seperti itu tidak boleh berharap untuk menerima apa-apa daripada Tuhan; pendiriannya tidak tetap dan sentiasa teragak-agak melakukan sesuatu." (Yak 1:6-8) "Oleh itu Aku berkata kepadamu, apa sahaja yang kamu minta dalam doa, percayalah kamu akan menerimanya, maka kamu akan mendapatnya." (Mrk 11:24)
4. Kebenaran tanpa cacat di hadapan Allah dan manusia. "Oleh itu, hendaklah kamu saling mengakui dosa serta mendoakan satu sama lain, supaya kamu disembuhkan. Doa orang yang benar mempunyai kuasa yang hebat." (Yak 5:16)
5. Tinggal tetap di dalam Kristus. "Sekiranya kamu tetap dalam-Ku, dan kata-kata-Ku tetap dalammu, mintalah apa sahaja yang kamu kehendaki, permohonan itu akan dikabulkan." (Yoh 15:7)
5. Berdoa menurut kehendak Allah. "Kita dapat menghadap Allah dengan keyakinan bahawa Dia mengabulkan segala doa kita selaras dengan kehendak-Nya." (1Yoh 5:14)

Kadang-kadang Tuhan menjawab doa kita sebelum kita

meminta-Nya. Ada dalam Alkitab, “Sebelum mereka habis berdoa, Aku sudah mengabulkan doa mereka.” (Yes 65:24, BM).

Jika Tuhan menjawab doa-doa kita, jangan lupa untuk berterima kasih kepada-Nya atas jawaban-jawaban-Nya itu. “Janganlah khawatir akan apa pun. Dalam segala hal, berdoalah dan mintalah kepada Allah apa yang kamu perlukan. Apabila berdoa kepada Allah, hendaklah kamu selalu mengucapkan syukur.” (Flp 4:6, BM)



Dengarlah doaku, Tuhan.  
Kerana doaku ini adalah harapanku.  
Ajarku untuk melakukan yang sesuai  
dengan kehendak-Mu.

# 7

## Dua Belas Doa Untuk Negara<sup>1</sup>

Setiap daripada kita harus menjadikan berdoa untuk negara kita sebagai satu kebiasaan. Alkitab menyatakan bahawa di syurga terdapat “mangkuk emas berisi kemenyan, iaitu doa-doa umat Allah” dan “doa umat Allah bersama-sama asap kemenyan yang mengepul naik.” (Why 5:8 dan 8:4, BM). Bagi saya ini bermaksud apabila kita berdoa, doa-doa kita dikumpulkan dan tidak dibuang begitu sahaja. Mereka adalah berpanjangan. Mereka bukan hanya keluar dari mulut kita dan hilang ke udara. Doa-doa kita adalah terkumpul, oleh itu kita harus melakukan bahagian kita supaya cawan-cawan itu sentiasa penuh.

Kita harus sentiasa mengingatkan diri supaya tidak membenarkan diri kita jatuh ke dalam kebiasaan tidak berdoa apabila semua perkara sedang berjalan lancar. Sebaliknya kita harus sentiasa bergerak ke arah panggilan Allah dalam doa, supaya apabila masanya tiba di mana doa kita dapat membawa perbezaan di antara hidup dan mati, atau kemenangan kebaikan ke atas kejahatan, kita akan bangkit dalam kuasa Allah untuk mengalahkan musuh *sebelum* mereka

---

<sup>1</sup> Diadaptasi dari *The Power of A Praying Nation*, Stormie Omartian (2002), Harvest House Publishers, Eugene, Oregon (Halaman 95-118)



menjatuhkan kita. Yesus berkata, “mereka harus sentiasa berdoa dan tidak putus asa.” (Luk 18:1). Dalam erti kata lain, kita harus sentiasa berdoa dan jangan berputus asa.

Di sini saya tidak menekankan cara yang spesifik untuk berdoa, sebaliknya saya telah menuliskan dua belas doa yang akan melindungi hati dan jiwa mana-mana bangsa. Ketika kamu mengucapkan doa-doa ini, isikan maklumat yang terperinci mengenai mereka yang kamu maksudkan. Tidak kira siapa pun musuh kamu pada masa ini atau apa pun situasi yang kita hadapi sekarang, doa-doa ini akan selalu relevan.

Allah berkata, “Pada hari ini Aku mengangkat engkau atas bangsa-bangsa dan atas kerajaan-kerajaan untuk mencabut dan merobohkan, untuk membinasakan dan meruntuhkan, untuk membangun dan menanam” (Yer 1:10, TB). Marilah kita berdoa untuk negara dan bangsa kita. Allah sedang memanggil kamu dan saya untuk menjadi alat-alat penyembuhan, kasih, pelepasan, dan penyelamatan Allah, bukan sahaja untuk negara kita tetapi juga bangsa-bangsa lain di seluruh dunia.

Berikut adalah dua belas contoh doa yang kita boleh gunakan untuk berdoa bagi negara dan bangsa kita.

## 1. Berdoa untuk Pemimpin dan Para Penasihatnya

Ya Tuhan, saya berdoa bagi perlindungan dari tangan-Mu ke atas (nama pemimpin). Lindungilah dia daripada jalan yang memudaratkan supaya kesihatan dan keselamatannya tidak akan terancam. Saya berdoa agar tidak ada cubaan untuk mengambil nyawanya, dan sesungguhnya setiap senjata yang dibentuk untuk melawannya tidak akan berhasil (Yes 54:17a). Saya berdoa bagi perlindungan isteri dan anak-anaknya, (nama-nama mereka). Lindungi mereka daripada apa-apa penyakit, kecederaan, atau ancaman ke atas nyawa mereka. Lindungi mereka semua di bawah sayap-Mu.

Ya Tuhan, Engkau telah berkata “sekiranya seseorang di antaramu kurang bijaksana, dia haruslah berdoa kepada Allah supaya mengurniakan kebijaksanaan kepadanya, kerana Allah memberi dengan murah hati kepada semua orang tanpa memandang kesalahan mereka.” (Yak 1:5). Bagi pihak pemimpin kami, saya berdoa agar dia mempunyai kebijaksanaan, kearifan, dan pengetahuan bagi setiap keputusan yang dilakukannya. Berikan dia kekuatan supaya dia tidak lelah. Berikan dia kerendahan hati supaya dia tidak menjadi sombong. Berikan dia panduan supaya dia tidak akan kehilangan arah. Berikan dia sokongan dari rakyat dan pemimpin-pemimpin negara lain supaya dia akan menjadi seorang penyatu dan bukan pembahagi.

Ya Tuhan, Firman-Mu berkata bahawa hati raja seperti anak sungai di dalam tangan-Mu, dialirkan ke mana sahaja Engkau kehendaki (Ams 21:1). Saya berdoa supaya Engkau akan mengalihkan hati pemimpin-pemimpin kami kepada-Mu pada setiap masa supaya ketika dia mendengar banyak suara pada setiap hari, dia masih dapat mendengar suara-Mu jauh di atas semua suara yang lain. Bimbing dia dalam setiap keadaan.

Ya Tuhan, saya tahu bahawa Engkau mengukuhkan kedudukan seorang pemimpin yang mengadili orang miskin dan yang lemah dengan adil dan benar (Ams 29:14). Saya berdoa agar pemimpin kami akan sentiasa melakukan apa yang terbaik untuk rakyat mereka. Mampukan dia supaya dapat menjadi seorang pemimpin yang bertindak menurut kebenaran, tanpa gagal, kerana dia berjalan selari dengan Roh Kebenaran. Biarlah kiranya dia berdiri teguh atas dasar Firman-Mu supaya dia akan sentiasa menjadi seorang pemimpin yang teguh.

Saya berdoa bagi setiap penasihat dan kaunselornya supaya mereka mempunyai kebijaksanaan dan selalu memberikan nasihat yang bijak apabila dia memerlukan-



nya. Saya naikkan kepada-Mu terutamanya (nama-nama penasihat). Saya berdoa supaya setiap daripada mereka akan menjadi orang yang berintegriti, jujur, arif, dan bijaksana. Kiranya apa yang mereka inginkan bagi negara ini adalah seperti yang Engkau ingini juga. Saya berdoa supaya pemimpin kami serta setiap penasihat dan kaunselornya akan mempunyai satu pengetahuan yang penuh tentang Engkau dan jalan-jalan-Mu. Semoga mereka mencari kebijaksanaan-Mu dalam setiap perkara “melindungi hikmah adalah seperti melindungi wang, dan kelebihan hikmah ialah ia memelihara kehidupan para pemiliknya.” (Pkh 7:12).

Ya Tuhan, Firman-Mu berkata, “Ada jalan yang dianggap orang sebagai lurus, tetapi akhirnya menuju maut” (Ams 16:25). Saya berdoa supaya pemimpin kami dan penasihat-penasihatnya bukan sekadar melakukan apa yang *kelihatan* benar, tetapi dia akan mencari nasihat-Mu supaya mereka akan melakukan apa yang mereka *tahu* benar di mata-Mu. Engkau telah berkata bahawa “Rancangan gagal kerana tidak ada nasihat, tetapi berhasil dengan ramai penasihat” (Ams 15:22). Saya berdoa supaya pemimpin kami akan mendapat pertimbangan yang baik daripada *kesemua* penasihatnya dan dia akan mempertimbangkannya. Tunjukkan mereka apa yang Engkau mahu mereka lakukan, pimpin mereka dalam setiap keputusan, berikan mereka jawapan dan penyelesaian. Terlebih lagi saya berdoa agar mereka akan mencari nasihat-Mu, dan supaya tidak ada keputusan yang dilakukan di luar daripada kehendak-Mu.

Berikan pemimpin kami pandangan yang jelas dalam mindanya supaya dia dapat menjadi lebih arif tentang kebenaran dan penipuan. Saya tahu bahawa apabila pemimpin berlaku benar, maka orang-orang di bawahnya juga akan menjadi seperti itu juga. Tetapi “jika seorang penguasa mendengar kata-kata dusta, maka semua pegawainya menjadi durjana” (Ams 29:12). Semoga

perdana menteri/ketua menteri kami akan sentiasa dapat mengenal pasti kejahatan dan menggelarnya sedemikian supaya dia akan “bertakhta dalam kebenaran” dan “memerintah dalam keadilan” (Yes 32:1). Dalam nama Yesus saya berdoa.

## **2. Berdoa untuk Semua Wakil Rakyat yang Dipilih**

Ya Tuhan, saya berdoa agar semua wakil rakyat yang dipilih untuk memimpin dalam negara kami adalah orang yang takut kepada Tuhan dan yang benar. Bangkitkan orang yang percaya kepada Engkau dan takut kepada Tuhan supaya mereka akan dipilih untuk masuk ke dalam kerajaan. Berikan para pengundi kearifan untuk mengenal pasti orang yang terbaik bagi tugas itu.

Saya berdoa supaya setiap orang Kristian akan mengundi apabila peluang diberikan. Bantu kami untuk melihat perkara ini sebagai satu peluang bagi tangan-Mu diperpanjangkan untuk mencapai apa yang Engkau kehendaki di bumi ini. Bantu kami untuk menjadi sebuah pengaruh kebaikan yang kuat dalam negara kami. Dedahkan segala ketidakadilan dan kejahatan yang berlaku dalam proses pilihan raya itu sendiri supaya ia dapat diperbetulkan.

Pimpin setiap pengundi untuk mengundi calon yang terbaik supaya dapat mewakili tujuan-Mu bagi negara ini. Kurniakan kebijaksanaan kepada para pengundi untuk mengetahui siapakah pemimpin yang benar dan mengundi berdasarkan kebijaksanaan itu. Biarlah kiranya terdapat petunjuk yang jelas tentang siapakah calon yang baik dan takut kepada Tuhan, dan siapa yang sebaliknya. Letakkanlah satu keinginan untuk memiliki pemimpin yang takut kepada Tuhan dalam hati setiap pengundi. Patahkan keinginan mereka yang tidak berintegriti daripada membohongi para pengundi. Dedahkan dosa-dosa mereka





yang ingin melakukan kejahatan, kecurangan dan ketidakadilan dalam pilihan raya itu, supaya orang yang mempunyai niat jahat dan tidak kudus tidak akan diundi. Ya Roh Kebenaran, saya mengundang Engkau untuk berkuasa ke atas negara ini dan dalam proses pilihan raya ini.

Ya Tuhan, saya berdoa bagi setiap daripada pemimpin kami yang mewakili kami supaya mereka mempunyai kebijaksanaan untuk memerintah dan menggubal undang-undang yang baik. Secara spesifiknya, saya berdoa untuk (nama wakil rakyat yang dipilih).

Semoga mereka mencari wajah-Mu untuk kebijaksanaan, pengetahuan dan pemahaman. Saya berdoa agar mereka yang menjadi wakil rakyat akan bekerjasama untuk melakukan apa yang terbaik bagi negara kami. Saya berdoa agar mereka menjadi satu hati tanpa persaingan. Isu yang sangat menekan saya mengenai negara saya pada masa ini adalah (sebutkan isu-isu dengan terperinci)

---

---

Saya berdoa agar segala masalah ini dapat diselesaikan melalui cara yang sebaik mungkin. Tunjukkanlah kepada wakil rakyat kami jalan itu dan pimpinlah mereka untuk melakukannya. Jangan biarkan mereka gagal melakukan apa yang mereka harus lakukan. Jadikan mereka orang yang berintegriti dan amanah.

Saya berdoa supaya hanya orang yang takut kepada Tuhan sahaja yang akan diberi kuasa untuk memerintah. Firman-Mu berkata, “ketika orang benar bertambah ramai, bersukacitalah rakyat,” dan “orang benar prihatin fasal hak orang miskin, tetapi orang durjana tidak memahami hal sedemikian.” (Ams 29:2,7). Penuhilah wakil-wakil rakyat kami yang dipilih itu dengan Roh Kebenaran. Kerana saya tahu bahawa apabila Roh Kebenaran datang, Dia akan membimbing pemimpin kami ke arah

segala kebenaran. (Yoh 16:13).

Saya juga berdoa untuk semua pemimpin di setiap kawasan, daerah, bandar dan pekan dalam negara kami supaya mereka menjadi orang yang berintegriti, bijaksana, dan tidak mementingkan diri sendiri. Secara spesifiknya saya berdoa bagi (nama-nama mereka yang memerintah di bandar atau daerah kamu)

\_\_\_\_\_ . Berikanlah kebijaksanaan bagi setiap daripada mereka dan bantulah mereka untuk memimpin dalam kebenaran, kerendahan hati, dan rasa takut kepada Allah. Dalam nama Yesus saya berdoa.

### **3. Berdoa untuk Para Hakim dan Penguasa Undang-undang**

Ya Tuhan, saya berdoa supaya hanya hakim yang *benar* sahaja yang akan berada di kerusi ini dalam negara kami. Semoga setiap mereka adalah orang yang takut kepada Tuhan dan yang mencintai hukum-hukum-Mu. Saya berdoa agar mereka akan merenungkan hukum-hukum-Mu sebelum menafsirkan undang-undang negara ini. Berikanlah setiap hakim kebijaksanaan dan integriti untuk mengadili dengan saksama supaya mereka tidak melanggar hukum-hukum-Mu, dan semoga Engkau berserta dalam setiap keputusan yang mereka lakukan.

Berikanlah kebijaksanaan kepada pemimpin-pemimpin kami untuk membuat keputusan siapakah yang layak menjadi hakim-hakim kami. Semoga mereka akan memilih orang yang benar dan yang takut kepada Tuhan. Jangan benarkan sesiapa pun yang menentang jalan-Mu untuk mendapatkan jawatan itu.

Ya Tuhan, saya berdoa agar Engkau akan mendedahkan semua hakim yang tidak jujur, makan rasuah dan jahat



dalam negara kami. Dedahkan dosa-dosa mereka supaya kejahatan mereka tidak akan berhasil. Engkau pernah berkata bahawa “seseorang yang memerintah rakyat dengan adil haruslah yang memerintah dengan takut kepada Allah,” (2Sam 23:3). Saya berdoa supaya setiap hakim akan dipenuhi dengan rasa takut kepada Allah. Semoga mereka juga akan dipenuhi dengan rasa takut akan akibat-akibat daripada perbuatan mereka yang tidak suci, tidak jujur dan tidak amanah. Bantu mereka untuk “mengambil keputusan secara adil dan berikan kepada yang tertindas dan yang miskin hak mereka” (Ams 31:9). Dalam nama Yesus saya berdoa.

#### 4. Berdoa untuk Pertahanan Negara

Ya Tuhan, saya berdoa supaya Engkau membantu Malaysia untuk membentuk dan mengekalkan sebuah pasukan pertahanan negara yang kuat dan berkemahiran. Pimpinlah semua pemimpin pasukan pertahanan kami. Secara spesifik, saya naikkan kepada-Mu (nama pemimpin pertahanan negara).

Ya Tuhan, berikanlah mereka kebijaksanaan dari Engkau untuk melakukan keputusan yang tepat dalam melindungi negara kami. Beri mereka pendedahan untuk mengetahui rancangan-rancangan musuh negara sebelum ada cubaan untuk melakukannya terjadi.

Lindungilah setiap ahli dalam pasukan pertahanan kami. Berikan mereka keberanian, iman, dan ketenangan fikiran untuk melakukan tugas mereka dengan sempurna. Apabila mereka harus keluar untuk menghadapi peperangan, letakkanlah tembok perlindungan di sekeliling mereka. Lindungi mereka dari setiap sisi agar tiada satu pun senjata yang dibentuk untuk melawan mereka akan berhasil. Berikan mereka kekuatan untuk melalui semua cabaran. Ya Tuhan, jadilah tempat perlindungan dan